



مَجْلِسُ اِئْمَارِ اِسْلَامِ سِلَانْجُورِ
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR
TINGKAT 9 & 10, MENARA UTARA, BANGUNAN SULTAN IDRIS SHAH,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-5514 3400 FAX : 03-5512 4042
Laman Web : www.mais.gov.my E-mail : mail@mais.gov.my



Rujukan Kami : MAIS 600-08/4/4(23)
Tarikh : 12 Zulhijjah 1443
12 Julai 2022

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Nazir Masjid Kariah Negeri Selangor

Nazir Masjid Institusi Negeri Selangor

Y.Bhg. Tan Sri/ Dato'Sri/ Dato'/ Tuan,

SURAT PEKELILING BAGI MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA- KIRA BAGI MASJID DI NEGERI SELANGOR SESI 2023 -2025

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tempoh pelantikan Anggota Jawatankuasa Kariah bagi sesi 2019- 2021 dan lanjutan tempoh setahun akan berakhir pada 31 Disember 2022. Sehubungan itu, Majlis Agama Islam Selangor telah bersetuju agar semua Masjid Kariah dan Masjid Institusi di seluruh Negeri Selangor untuk mengadakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira bagi sesi 2023 -2025 bermula pada 1 Ogos 2022 hingga 15 Oktober 2022.

3. Mesyuarat tersebut hendaklah dilaksanakan berpandukan kepada langkah-langkah berikut :-

- 3.1 Nazir hendaklah mengadakan Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kariah bagi membincangkan persediaan bagi pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan;
- 3.2 Setiausaha Masjid hendaklah membuat semakan dan pendaftaran ahli kariah berpandukan Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.
- 3.3 Setiausaha Masjid hendaklah mengemukakan notis bertulis kepada ahli kariah sekurang-kurangnya **14 hari notis** sebelum mesyuarat diadakan dan memaklumkan kepada Pejabat Agama Islam Daerah.

**SURAT PEKELILING BAGI MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS
PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN
PEMERIKSA KIRA- KIRA BAGI MASJID DI NEGERI SELANGOR SESI 2023 -2025**

- 3.4 Setiausaha Masjid hendaklah dalam tempoh tujuh (7) hari selepas mesyuarat diadakan, menyerahkan dokumen- dokumen yang lengkap kepada Pegawai Tadbir Agama Daerah. Dokumen- dokumen tersebut seperti berikut:
- i. Minit Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Dan Pemilihan;
 - ii. Borang Pencalonan Pegawai Masjid;
 - iii. Borang Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah (selain Pegawai Masjid) dan Pemeriksa Kira-Kira; dan
 - iv. Borang Perakuan Maklumat Diri.
- 3.5 Mematuhi Peraturan dan Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas (Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira) Negeri Selangor 2022.
4. Bersama-sama ini dilampirkan dokumen-dokumen berkaitan untuk rujukan dan tindakan tuan iaitu :-
- 4.1 Garis Panduan Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas (Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira) Negeri Selangor 2022.
 - 4.2 Garis Panduan Pendaftaran Ahli Kariah Masjid dan Surau Negeri Selangor.
 - 4.3 Jadual Pelaksanaan Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira Bagi Masjid Di Negeri Selangor Sesi 2023 – 2025.(**Lampiran A**)

**SURAT PEKELILING BAGI MENGADAKAN MESYUARAT AGUNG KHAS
PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN
PEMERIKSA KIRA- KIRA BAGI MASJID DI NEGERI SELANGOR SESI 2023 -2025**

Segala kerjasama dan perhatian pihak Y.Bhg. Tan Sri/ Dato' Sri/ Dato'/ Tuan,
didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, والسلام

" مٹھارف كرىضان الله "

" أمانه، فریهاتین دان مسرا "

Saya yang menjalankan amanah,



~~(DR. HAJI AHMAD SHAHIR BIN MAKHTAR)~~

Setiausaha

Majlis Agama Islam Selangor

Salinan Kepada:

1. Semua YDH Orang Besar Daerah
2. Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

(Lampiran A)

**JADUAL PELAKSANAAN
PENCALONAN DAN PEMILIHAN JAWATANKUASA KARIAH MASJID DAN
PEMERIKSA KIRA- KIRA BAGI MASJID DI NEGERI SELANGOR
SESI 2023 – 2025**

BIL	PERKARA	TARIKH	TEMPOH	TINDAKAN
1.	Semak Pendaftaran Ahli Kariah dan Bantahan (jika ada).	3 Minggu selepas taklimat dijalankan di peringkat daerah		Jawatankuasa Kariah
2.	Edaran Surat Pekeliling Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan.	16- 31 /7/2022		JAIS dan PAID
3.	Notis Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira Sesi 2023–2025.	14 hari sebelum Mesyuarat Agung Khas dilaksanakan	2 minggu	Jawatankuasa Kariah
4.	Pelaksanaan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan Pegawai Masjid dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira- Kira Sesi 2023 – 2025 .	Mulai 1 Ogos 2022 – 15 Oktober 2022	10 minggu	Jawatankuasa Kariah
5.	Menyerahkan minit mesyuarat dan borang- borang yang telah dilengkapkan ke PAID Daerah masing- masing.	Selepas mesyuarat diadakan	7 hari selepas mesyuarat	Nazir/ Setiausaha Masjid
6.	Notis pengumuman di masjid- masjid		Hari Jumaat sebelum 31 Disember 2022	PTA/ Wakil/ Nazir

Disediakan Oleh :

Bahagian Pengurusan Masjid JAIS